

**5,000 Belia Akan Dilantik Sebagai Duta Di Bawah Inisiatif Inovasi - PM**  
**Mstar Online**  
**Ogos 01, 2012**  
**Oleh JOSEPH SIPALAN**

**PUTRAJAYA:** Seramai 5,000 belia akan dilantik sebagai duta inovasi bagi membantu mempercepatkan pembangunan negara di bawah inisiatif yang dinamakan Inovasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang melancarkan unit baru itu pada Rabu berkata, pelantikan itu akan dilakukan untuk lima tahun akan datang apabila Inovasi boleh didapati secara dalam talian pada 2013.

Beliau berkata, belia yang dilantik di bawah Inovasi, yang merupakan kombinasi perkataan 'generasi' dan 'inovasi', akan dilatih dan diletakkan di barisan hadapan bagi menggerakkan perubahan positif kepada negara.

Mereka dijangka mampu melakukannya menerusi tiga teras, yang dinamakan kualiti kehidupan masyarakat setempat dan luar bandar, kekayaan ekonomi baru dalam sektor swasta dan penyampaian perkhidmatan lebih dalam kerajaan.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/8/1/mstar\\_berita/20120801163121&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/8/1/mstar_berita/20120801163121&sec=mstar_berita)